

14 MAC 2018

## Serang guna pedang samurai

Penagih dadah bertindak agresif ketika ditahan anggota AADK dalam serbuan di Sitiawan

# Serang guna pedang samurai

Oleh NURUL AKMAR AIDA SUHAIMI

**L**UMUT – Berang dengan tindakan pegawai dan anggota Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang mahu menahannya, seorang penagih tegar bertindak agresif dengan cuba menghunus pedang samurainya.

Gerak-gerinya itu bagaimanapun dapat dibaca anggota AADK Manjung sebelum lelaki berusia 35 tahun tersebut berjaya ditahan dalam satu serbuan di sebuah rumah di Simpang Dua, Sitiawan di sini awal pagi semalam.

Pegawai AADK Manjung, Sharudin Abdul Salam berkata, dalam serbuan pukul 7 pagi itu, suspek yang bekerja sebagai juruteknik pendingin hawa itu sedang nyenyak tidur bersama beberapa bilah senjata tajam seperti sebilah pedang samurai, pisau rambo dan pisau dapur.

“Suspek bertindak agresif ketika anggota kita cuba menangkapnya. Dia mahu membuka sarung pedang samurai dipercayai untuk melibas anggota bertugas, namun gerak-geri suspek dapat dibaca oleh anggota terlibat.

“Anggota kita kemudian berjaya



ANTARA senjata tajam yang dirampas AADK dalam serbuan di sebuah rumah di Simpang Dua, Sitiawan semalam.



SEORANG lelaki (kiri) disoal anggota AADK apabila dia cuba menyerang menggunakan pedang samurai di Simpang Dua, Sitiawan semalam.

menangkap suspek tanpa sesiapa mengalami kecederaan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambah Sharudin, siasatan pihaknya mendapati, suspek merupakan penagih tegar yang sudah terlibat dengan aktiviti penagihan dadah sejak 10 tahun lalu.

“Kita turut merampas senjata tajam berkenaan yang dikatakan disimpan sebagai hobi,” ujarnya.

Menurut Sharudin, pihaknya turut berjaya menahan seorang lagi suspek di Kampung Deralik melibatkan seorang remaja berusia 17 tahun yang dipercayai baru berjaya

nak jinak dalam aktiviti penagihan dadah.